

Newspaper	Berita Harian
Date	25/1/2011

PAS ajak Najib debat dengan Anwar di Tenang

LABIS: PAS mengajak Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berdebat dengan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang sempena kempen pilihan raya kecil kawasan itu.

Pengarah Jentera Pilihan Raya PAS pilihan raya kecil DUN Tenang, Salahuddin Ayub, berkata parti itu berpendapat pilihan raya kecil berkenaan pentas paling wajar untuk kedua-dua pemimpin mengadakan debat agung mengenai pelbagai isu negara dan rakyat.

"Kami dari jentera pilihan raya PAS sedia memberi pentas bebas dan berwibawa serta ruang seluas-luasnya bagi kedua-dua pemimpin meyakinkan rakyat dengan hujah mereka atas isu 'Mengapa Pakatan Rakyat atau Barisan Nasional (BN) Yang Wajar Disokong Rakyat'," katanya pada sidang media harian PAS di sini, semalam.

Beliau berkata, partinya



SAMBUTAN dingin daripada penduduk Kampung Air Panas, Labis ketika ceramah PAS diadakan.

juga tiada masalah jika ada mana-mana pihak bercadang menganjurkan debat membatik calonnya bagi kerusi DUN Tenang, Normala Sudirman dengan calon BN, Mohd Azahar Ibrahim mengenai usaha memajukan kawasan berkenaan.

Dalam pada itu, Salahuddin menafikan laporan sebuah akhbar berbahasa Cina berhubung kenyataan Ahli Parlimen Labis, Chua Tee Yong yang mendakwa calon PAS ada mengeluarkan kenyataan mempersoalkan penjualan arak kepada se-

orang pemilik kedai kopi berbangsa Cina di pekan ini.

"Dalam laporan itu menyebut, Cikgu Mala (Normala) ada bertanya kenapa jual arak (terhadap peniaga terbahit)... Cikgu Mala menafikan dan menyifatkan ia se-

bagai tuduhan berniat jahat untuk menimbulkan ketakutan pengundi Cina.

"Kita minta Ahli Parlimen Labis supaya menyatakan bila dan di kedai kopi mana sekiranya Cikgu Mala ada mengeluarkan kenyataan seperti itu," katanya.